

(30 November 2020) Sinar, P.12.

Empat lagi kluster baharu dikesan

Melibatkan kes di Kuala Lumpur, Sabah, Selangor dan Kelantan

KUALA LUMPUR

Sebanyak empat kluster baharu Covid-19 dikesan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam masing-masing satu di Kuala Lumpur, Sabah, Selangor dan Kelantan.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, di Kuala Lumpur ia melibatkan Kluster Tapak Bina Sungai Mulia di daerah Titiwangsa dengan kes awal dalam kluster itu dilaporkan positif kelmarin hasil saringan tempat kerja di sebuah tapak pembinaan.

“Sehingga kini, sejumlah 124 individu telah disaring dan 23 kes telah dikesan positif Covid-19,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagi Kluster Batu Lima, ia melibatkan daerah Kota Kinabalu, Sabah dengan kes indeks dilaporkan positif Covid-19

pada 19 November, hasil saringan individu bergejala dan sehingga kini sejumlah 118 individu disaring dengan 49 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster itu.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Yayasan pula melibatkan daerah Klang, Selangor dengan kes indeks dilaporkan positif Covid-19 pada 20 November juga hasil saringan individu bergejala dan sehingga semalam, sejumlah 190 individu disaring



DR NOOR HISHAM

dengan 21 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster berkenaan.

Mengenai Kluster Hilir, beliau berkata, ia melibatkan empat daerah di Kelantan iaitu di Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh.

“Kes indeks dilaporkan positif Covid-19 pada 24 November hasil saringan individu bergejala dan sehingga kini, sejumlah 975 individu disaring

dengan 21 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini,” kata beliau.

Dr Noor Hisham berkata, penambahan empat kluster baharu itu menjadikan jumlah kluster yang dilaporkan setakat semalam adalah sebanyak 359.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan Kluster Megah yang melibatkan daerah Sandakan, Sabah ditamatkan semalam sekali gus menjadikan jumlah kluster tamat ialah sebanyak 176.

Sementara jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak 183. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN:	64,485	PULIH:	52,647	ICU:	116	KEMATIAN:	357	KES BAHARU	+1,309



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 29 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 63,176 kes kepada 64,485 kes